

# Acara kebajikan Wangsa Walk

KUALA LUMPUR 14 Jun - Orang ramai dipelawa menyertai acara 'Fitness for Charity' anjuran Celebrity Fitness yang akan diadakan di Wangsa Walk Mall pada 30 Jun ini.

Pengarah Urusan Celebrity Fitness Malaysia, Kwangho Choi berkata, hasil daripada acara terbabit akan diserahkan kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) yang membantu rakyat Malaysia yang mengidap penyakit terbabit sejak 1993 lagi.

"Penyakit buah pinggang sudah menjadi salah satu pembunuh terbesar di negara ini. Impian kami di Celebrity Fitness adalah untuk membantu orang lebih sihat dan cergas," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, orang awam yang berminat untuk menyertai acara ini boleh mendaftar di mana-mana cawangan pusat gim tersebut di Lembah Klang seperti di Mid Valley Mall, Sunway Pyramid, Subang Parade, Bangsar Village 2, Kepong Mall dan SStwo Mall.

Borang penyertaan juga boleh diperolehi di laman Facebook serta laman web rasmi Celebrity Fitness dengan yuran penyertaan sebanyak RM35.